

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Norway mahu pelajari strategi industri sawit Malaysia **MUKA 4**

Teknologi MPOB raih pingat MTE 2019 **MUKA 8**



MPI sasar peningkatan 4.5 peratus eksport komoditi 2019



➔ Pendapatan pada 2018 berjumlah RM127.8 bilion

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Sungai Buloh

Kementerian Industri Utama (MPI) menasaskan peningkatan eksport produk komoditi sebanyak 4.5 peratus lebih baik pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, dengan mengambil kira cabaran di Kesatuan Eropah (EU), Kementerian akan memberi tumpuan untuk meneroka pasaran baharu seperti rantau Afrika dan Asia Barat, selain mengukuhkan pasaran sedia ada khususnya di India, Pakistan, Turki, China dan negara ASEAN.

Katanya, sektor agrikomoditi akan terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi negara.

“Selain bergantung kepada tanaman utama seperti kelapa sawit, getah dan kayu, Malaysia perlu bergerak lebih jauh dalam mengeksplorasi potensi tanaman lain iaitu koko, lada serta kenaf. Sudah tiba masa untuk kita meneroka tanaman baharu yang boleh menyum-

bang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil dan ekonomi negara”, katanya.

Teresa berkata, selain itu, MPI akan memberi tumpuan untuk mengkaji semula Dasar Komoditi Negara, 2011-2020 bagi memastikan sektor agrikomoditi terus relevan dan berdaya saing di arena global.

“Strategi dan program sedia ada akan disemak semula disamping pengenalan kepada strategi baharu dan program intervensi termasuk pembaharuan institusi dan industri”, katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan MPI, di sini, baru-baru ini.

Eksport menurun

Beliau yang turut berkongsi pencapaian tahun 2018 berkata, sektor agrikomoditi mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak RM167.4 bilion manakala imbalan dagangan adalah sebanyak RM88.2 bilion.

Pendapatan eksport produk komoditi pada 2018 adalah sebanyak RM127.8 bilion atau 12.8% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara.

Nilai pendapatan eksport negara menurun sebanyak 8.8 peratus berbanding tahun 2017 yang mencatat-

kan nilai sebanyak RM140.1 bilion.

Penurunan nilai eksport produk agrikomoditi ini disebabkan oleh faktor kejatuhan harga komoditi utama seperti minyak sawit mentah (MSM) dan getah asli (SMR20).

Walaupun begitu, nilai eksport sarung tangan getah terus kekal merekodkan peningkatan sebanyak 11.9 peratus kepada RM17.7 bilion.

Eksport ke Amerika Syarikat, iaitu pasaran utama bagi sarung tangan getah negara, meningkat sebanyak 11.4 peratus kepada RM6.1 bilion.

Bagi komoditi sawit, walaupun nilai eksport menurun, kuantiti eksport produk sawit meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 25.2 juta tan. Peningkatan kuantiti ini didorong oleh permintaan daripada negara pengimport utama seperti Kesatuan Eropah (EU), China, India, Pakistan dan Turki.

Katanya, sehingga suku ketiga tahun 2018, aktiviti di peringkat hulu dan hiliran sektor agrikomoditi turut menyumbang sebanyak 7.5 peratus atau RM23.4 bilion kepada jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.



Strategi dan program sedia ada akan disemak semula disamping pengenalan kepada strategi baharu dan program intervensi termasuk pembaharuan institusi dan industri”

Teresa Kok, Menteri Industri Utama



Pencapaian dan sumbangan sektor komoditi perladangan negara termasuk industri sawit adalah amat besar. Kemajuan industri sawit di semua sektor menjana pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar.

Minyak sawit dan produk keluarannya dieksport ke lebih 200 buah negara yang turut disumbang oleh pekebun kecil yang mengusahakan hampir 40 peratus keluasan tanaman sawit negara yang mencecah 5.85 juta hektar.

Industri sawit adalah tulang sektor pertanian negara yang menyediakan sumber ekonomi dan pendapatan kepada lebih 650,000 pekebun kecil sawit yang berada di seluruh pelokok negara.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok menegaskan, walaupun sektor agrikomoditi menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negara, pelbagai cabaran perlu dihadapi untuk memastikan sektor ini terus kekal relevan dan berdaya saing pada masa hadapan.

Cabaran kekalkan pasaran sawit

Dengan mengambil kira cabaran bagi mengekalkan pasaran sawit di negara Kesatuan Eropah (EU), kerajaan akan memberi tumpuan bagi meneroka pasaran baharu seperti rantau Afrika dan Asia Barat, serta mengukuhkan pasaran sedia ada khususnya di India, China, Pakistan, Turki dan negara-negara ASEAN.

Pada masa sama, kerajaan turut melaksanakan pelbagai strategi dan usaha bagi meningkatkan produktiviti sawit yang merangkumi sektor hulu hingga sektor hiliran bagi menjamin kemajuan industri sekali gus memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Dalam menyasarkan peningkatan produktiviti sawit, aspek kualiti dan keselamatan produk sawit yang dihasilkan diberi perhatian penting oleh kerajaan bagi memenuhi tuntutan pengguna antarabangsa terutama negara-negara Eropah yang hanya membenarkan pengimportan produk sawit dengan pensijilan mampan yang diiktiraf.

Sebagai langkah meningkatkan kualiti minyak sawit dan produk berasaskan sawit, Kerajaan akan melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori untuk keseluruhan industri sawit mulai 1 Januari 2020.

Tingkat imej industri sawit

Langkah melaksanakan pematuan MSPO secara mandatori bertujuan meningkatkan imej industri sawit dan penting untuk penjenamaan minyak sawit Malaysia sebagai produk yang dihasilkan secara mampan, berkualiti dan selamat.

Pensijilan MSPO perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri sawit bagi jangka masa panjang. Pematuan pensijilan MSPO akan membabitkan semua sektor termasuk pekebun kecil.

Sementara itu, dalam usaha penyebaran maklumat sawit kepada semua pihak, Kerajaan kini sedang giat melaksanakan kempen 'Sayangi Sawitku'.

Kempen 'Sayangi Sawitku' bertujuan meningkatkan kesedaran dan galakan penggunaan minyak sawit dalam negara. Usaha ini akan meningkatkan penggunaan minyak sawit khususnya dalam sektor makanan.

Usaha ini pastinya akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan ekonomi negara.

Kerajaan komited meningkatkan kemajuan industri sawit bagi memastikan perkembangannya terus relevan dan kekal sebagai salah satu sektor utama penjana ekonomi negara.

Oleh itu, semua pihak terbabit terutama pihak industri wajar terus menyokong usaha yang dilaksanakan kerajaan melalui Kementerian dan MPOB bagi kesejahteraan industri sawit negara.

kushairi@mpob.gov.my



Teresa Kok bersama Musdhalifah Machmud, Dr Tan Yew Chong dan Mauricio Gonzalez Lopez pada sidang media selepas forum anjuran CPOPC di Putrajaya.

Negara ahli CPOPC kembang penggunaan bio bahan api sawit

➔ Strategi bagi meningkatkan permintaan sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Negara pengeluar minyak sawit disaran mengembangkan penggunaan minyak sawit sebagai sumber bio bahan api sebagai strategi meningkatkan permintaan komoditi itu pada peringkat global.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok ketika menyampaikan ucapan di Forum Perniagaan Biofuel anjuran Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) di sini, baru-baru ini, berkata industri biodiesel sawit Malaysia bermula pada 1980-an, sebelum dunia mula membincangkan mengenai biodiesel.

"Kerajaan meneruskan usaha meneroka sektor biodiesel sawit pada tahun 1981 dengan penyelidikan yang diterajui oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Loji rintis biodiesel pertama dibina pada 1982 dan dilancarkan pada 1985.

"Melalui kerjasama dengan PETRONAS, biodiesel sawit dihasilkan dan ujian ke atas enjin serta lapa-

ngan diadakan selama 10 tahun dengan hasil positif amat menggalakkan," katanya.

Katanya, pada Ogos 2002, teknologi biodiesel sawit MPOB berjaya dikomersialkan untuk menghasilkan biodiesel sawit musim panas dan musim sejuk. Ini adalah satu pencapaian penting kerana ia menetapkan asas pembangunan industri biodiesel sawit pada masa hadapan.

Dasar utama

"Untuk menyokong inisiatif ini, Kerajaan Malaysia melancarkan Dasar Biofuel Nasional (NBP) pada bulan Mac 2006 dengan lima teras strategi yang meliputi pengangkutan, industri, teknologi, eksport dan persekitaran yang bersih.

"Ia adalah dasar utama menyokong industri biodiesel Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengkomersialan, penggunaan, penyelidikan, teknologi dan eksport biodiesel," katanya.

Katanya, NBP menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang mesra alam, mampan dan berdaya maju untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil. NBP juga menguatkan keupayaan minyak sawit dan secara tidak langsung meningkatkan kesejahteraan semua pihak berkepentingan dalam industri pertanian dan komoditi melalui harga yang stabil.

"Bagi Malaysia, kami yakin biodiesel akan sangat menyumbang kepada sasaran perubahan iklim

Malaysia. Penggunaan biodiesel sawit juga menyumbang kepada bahan bakar yang kos efektif dan mesra alam," katanya.

Forum itu dianjurkan untuk membincangkan mengenai keperluan mengembangkan penggunaan minyak sawit sebagai bio bahan api dan strategi meningkatkan permintaan pasaran.

Luar biasa

Forum berkenaan juga memberi tumpuan berkaitan Hidrotreated Vegetable Oils (HVO) sebagai bio bahan api generasi seterusnya. HVO adalah kualiti diesel yang luar biasa yang boleh dicampur tanpa had dan boleh digunakan sebagai B100 tanpa merosakkan enjin.

Panel penceramah turut membincangkan mengenai dasar biodiesel, pelajaran dari pengalaman Indonesia dan kemungkinan mempercepatkan pelaksanaan B20 (adunan 20 peratus metil ester sawit dan 80 peratus diesel petroleum) di Malaysia, serta perkembangan terkini mengenai penyelidikan HVO.

Forum turut dihadiri Timbalan Menteri Makanan dan Pertanian Indonesia, Ir Musdhalifah Machmud; Duta Colombia ke Malaysia Mauricio Gonzales Lopez, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama; Datuk Dr Tan Yew Chong dan Pengarah Eksekutif CPOPC, Mahendra Siregar.

Peserta termasuk wakil syarikat minyak sawit, agensi kerajaan, industri dari negara pengeluar minyak sawit.

Norway akui Malaysia urus sawit secara sistematik

➔ Kunjungan perkukuh hubungan dagangan dua negara nilai yang tinggi.

Oleh Noor Asmawati Abd Samad
watie@mpob.gov.my

► Pulau Carey

Industri sawit diurus secara sistematik dan dilaksana mengikut piawaian kemampaan yang ditetapkan bagi menghasilkan produk berkualiti dan mempunyai tambah nilai yang tinggi.

Menteri Perdagangan dan Industri Norway, Torbjorn Roe Isaksen berkata demikian selepas mengakhiri lawatannya di ladang sawit milik West Estate Sime Darby Plantation, di sini baru-baru ini.

Katanya, industri sawit diurusniaga secara sistematik dan dilaksanakan mengikut piawaian yang dibangunkan bagi memastikan kemampaan dan menghasilkan produk berkualiti serta mempunyai tambah nilai yang lebih baik.

“Terdapat banyak perkongsian maklumat antara kedua-dua negara mengenai industri sawit dan kepentingannya terhadap ekonomi Malaysia, serta usaha kerajaan untuk mewujudkan industri minyak sawit mampan,” katanya.

Sepanjang lawatan beliau diiringi Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia, Datuk Marzuki Yahya.



Torbjorn Roe Isaksen dan Teresa Kok mendengar taklimat semasa lawatan ke ladang sawit Sime Darby Plantation di Pulau Carey.

Sementara itu, Kok berkata kunjungan Isaksen dapat mengukuhkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Norway, terutama berkaitan industri sawit.

“Saya gembira dengan kunjungan delegasi Norway dan berharap ia akan menjadi contoh kepada negara-negara Eropah lain untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam membangunkan pekebun kecil yang mematuhi amalan mampan dan pertanian baik untuk kebaikan alam sekitar.

“Kita berharap lawatan itu memberi pengalangan kepada delegasi Norway untuk melihat bagaimana Malaysia menghargai kemampaan dan alam sekitar. Saya harap Norway akan menjadi contoh bagi negara-negara Eropah yang lain untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi mempromosikan

amalan pertanian yang mampan di kalangan pekebun kecil dalam usaha memulihara hutan dan alam semula jadi,” katanya.

Melawat ladang sawit

Isaksen tiba bersama delegasinya di Kuala Lumpur diiringi beberapa pegawai termasuk Duta Besar Norway ke Malaysia, Gunn Jored Roset; Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri Norway, Mette Wikborg; serta pegawai kanan kementerian dan kedutaan Norway di Malaysia.

Sempena kunjungan hormat itu, Torbjorn Roe Isaksen dibawa melawat ladang sawit dan diberi taklimat mengenai operasi penanaman sawit dan kilang memproses kelapa sawit.

Delegasi juga berpeluang melihat demonstrasi proses penuaian buah

tandan segar (BTS), pengumpulan tandan sawit, dan mempelajari lebih lanjut mengenai sistem pengurusan perosak bersepadu, salah satu ciri utama perladangan sawit Malaysia.

Turut hadir semasa lawatan itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Dr. Tan Yew Chong, Ketua Penasihat dan Pegawai Nilai Sime Darby Plantation, Datuk Franki Anthony Dass, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr. Kalyana Sundram dan pegawai lain dari Kementerian Luar Negeri, Malaysia, dan MPI.

Parlimen Norway pada 3 Disember 2018 memilih untuk mengehadkan dan memboikot minyak sawit

menerusi langkah dan cukai dalam dasar biofuel, berkuat kuasa 1 Januari 2020.

Dalam proses rundingan

Norway adalah satu daripada empat negara anggota Persatuan Perdagangan Bebas Eropah yang masih dalam proses berunding dengan Malaysia untuk memulakan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Persatuan Perdagangan Bebas Malaysia-Eropah (MEEPA).

Rundingan formal yang bermula sejak 2012, ditangguhkan sejak tahun 2017 selepas Switzerland mengenakan langkah perlindungan yang ketat dalam rundingan mengenai minyak sawit.

Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Norway, Erna Solberg untuk menyatakan bantahan Malaysia terhadap undi Parlimen Norway untuk mengharamkan penggunaan biofuel berasaskan sawit menjelang 2020 pada bulan lalu.

Pengharaman penggunaan biofuel dilihat Malaysia sebagai diskriminasi dan berdasarkan andaian palsu dan tidak berasas mengenai komoditi tersebut.

Malaysia dan Norway mempunyai hubungan perdagangan pertanian yang baik.

Pada tahun 2018, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Norway adalah sebanyak RM72.36 juta.

Eksport barangan farmasi dan produk berasaskan pertanian ke Malaysia pada tahun 2018 adalah RM68.03 juta, disumbangkan oleh produk getah (RM55.92 juta), diikuti dengan produk kayu (RM7.27 juta) dan, minyak sawit dan produk berasaskan sawit (RM4.83 juta).

Pekebun kecil sawit perlu segera perolehi sijil MSPO

Oleh Aedham Asmaon
aedham@mpob.gov.my

Serian: Pekebun kecil sawit diseru agar menyegerakan usaha bagi memperoleh sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Januari 2020.

Gesaan itu disuarakan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin dalam sesi taklimat Pensijilan MSPO dan dialog bersama pekebun kecil sawit sekitar daerah ini, baru-baru ini.

Katanya, pensijilan MSPO adalah selaras dengan peraturan alam sekitar dan amalan pertanian baik

yang diterima di peringkat antarabangsa.

“Pekebun kecil sawit digalakkan agar mendapatkan pensijilan MSPO secara berkelompok melalui inisiatif Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

“Langkah ini dilihat dapat memudahkan usaha MPOB membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan berkenaan melalui bantuan teknikal dan khidmat nasihat oleh pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB,” katanya.

Shamsul berkata, kerajaan akan terus membantu pekebun kecil dan berusaha untuk menyelesaikan permohonan yang diterima melalui



Shamsul Iskandar beramah mesra dengan pekebun kecil sawit di Serian, Sarawak.

MPOB bagi meningkatkan pendapatan dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh pekebun kecil.

Bantu tingkat produktiviti

Katanya, bantuan seumpama itu amat penting bagi menjaga kebajikan pekebun kecil dan juga bagi membantu meningkatkan produktiviti hasil tanaman.

Selain itu, beliau turut mengesyorkan agar diwujudkan bantuan mikroinsurans bagi menjaga kebajikan golongan ini.

“Kerajaan tidak akan mengabaikan kebajikan pekebun kecil sawit,” tegasnya apabila para pekebun kecil sawit ingin membangkitkan persoalan tentang subsidi baja.

“Kerajaan akan berusaha sedaya

upaya membantu kebajikan pekebun kecil sawit,” katanya.

Majlis taklimat dan dialog berkenaan disertai lebih 200 pekebun kecil sekitar daerah Serian.

Maklum balas dan pandangan yang diperolehi akan dimanfaatkan bagi merangka polisi dan dasar bagi memajukan sektor komoditi sawit.

Norway mahu pelajari strategi industri sawit negara

➔ Cari penyelesaian capai matlamat tingkatkan penggunaan biodiesel

Oleh Dr Laziana Ahmad
laziana@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima lawatan Duta Besar Norway ke Malaysia, Gunn Jorid Roset dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Norway di negara ini, Erland Sannes Hadland di Ibu Pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Kunjungan hormat berkenaan disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din bersama Timbalan Ketua Pengarah

(Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir dan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.

Lawatan bertujuan mempelajari strategi MPOB memacu industri sawit negara. Turut dibincangkan adalah keputusan Norway memboikot minyak sawit bermula pada tahun 2020.

Komited dengan ikrar

Ahmad Kushairi berkata, respon Malaysia terhadap keputusan Norway dinyatakan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam surat beliau kepada Perdana Menteri Norway

tempoh hari.

Katanya, Malaysia komited dengan ikrar di Rio Earth Summit pada 1992 untuk mengekalkan 50 peratus litupan hutan dan kini Malaysia mempunyai 55.3 peratus litupan hutan.

Menyentuh mengenai prinsip kemampunan sawit yang menjadi amalan Malaysia, beliau berkata, tiga strategi diberi perhatian iaitu Manusia (*People*), Alam Sekitar (*Planet*) dan Keuntungan (*Profit*).

“Malaysia mengutamakan pihak terbabit dalam industri sawit, terutamanya pekebun kecil persendirian. MPOB menyediakan khidmat nasihat terus kepada pekebun

kecil melalui pegawai pengembangan (TUNAS) yang ditugaskan,” katanya.

Giat laksana pensijilan MSPO

Katanya, Malaysia kini giat melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di seluruh negara dan usaha untuk memastikan MSPO diiktiraf dunia juga sedang dijalankan.

Beliau menerangkan sehingga kini, MSPO sudah diiktiraf oleh Jepun yang bakal menggunakan sawit mampan Malaysia untuk Tokyo Olimpik 2020. Usaha yang sama sedang dijalankan dengan China.

Sementara itu, Gunn Jorid Roset menerangkan, sebagai anggota World Trade Organisation (WTO), Norway sedang meneliti perkara ini terutama yang membabitkan polisi perdagangan.

“Norway juga sedang mencari penyelesaian untuk mencapai matlamatnya bagi meningkatkan penggunaan biodiesel dan pada masa sama mengurangkan penneban hutan.

Katanya, sebagai negara yang turut menghasilkan minyak sayuran, Norway memahami isu cabaran kemampunan dihadapi oleh golongan bergantung kepada industri sawit.



Dr Ahmad Kushairi memberikan buku terbitan MPOB berjudul *The Oil Palm Saga* kepada Gunn Jorid Roset.

MPOB, MOMG kerjasama perluas sektor oleokimia

Oleh Razmah Ghazali

razmah@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit (MPOB) dan Kumpulan Pengeluar Oleokimia Malaysia (MOMG) mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu berkaitan aktiviti hiliran dan cabaran yang dihadapi pihak industri, serta kemajuan projek usaha sama di antara MPOB dan MOMG di sini, baru-baru ini.

MOMG diwakili pengerusinya, Suresh Gunaratnam dan 10 ahli exco terdiri pengurusan tertinggi syarikat pengeluar oleokimia seluruh negara, manakala MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan pegawai kanan MPOB.

Mesyuarat tahunan ini menyediakan platform untuk kedua-dua pihak berinteraksi bagi meningkatkan hubungan dua hala, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai kemajuan industri sawit negara, khususnya industri oleokimia.

Kushairi ketika menyampaikan ucapan aluan berkata, perkongsian maklumat terkini berkaitan pelbagai isu industri oleokimia melalui interaksi seumpama ini adalah penting agar tindakan sulusan dapat dirangka dan dilaksanakan selaras dengan aspirasi



Interaksi antara MPOB dan MOMG yang dipengerusikan Dr Ahmad Kushairi.

industri oleokimia negara.

Peka isu, regulasi negara luar

Katanya, industri oleokimia perlu peka kepada perkembangan isu dan regulasi di negara luar, terutama Eropah yang boleh memberi impak kepada eksport oleokimia negara. Ini termasuklah EU REACH, EU RED, penebangan hutan dan kempen anti-sawit.

Tambah beliau, MPOB menyedi-

akan platform bagi industri sawit, termasuk oleokimia, mendapatkan maklumat terkini berkenaan pasaran, harga, teknologi yang sedia dikomersialkan oleh industri dan aktiviti penyelidikan di dalam dan luar negara melalui seminar dan persidangan seperti Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar, Seminar Pemindahan Teknologi dan PIPOC 2019 anjuran MPOB.

Sementara itu, Suresh berkata, prestasi penggunaan oleokimia Malaysia adalah tinggi pada tahun 2018. Untuk meningkatkan lagi eksport oleokimia, lebih banyak aktiviti dagangan dan promosi terutamanya di China serta India perlu dilaksanakan oleh kementerian dan MPOB kerana kedua-dua negara itu adalah pasaran utama oleokimia keluaran Malaysia.

“MOMG turut bersedia me-

nyertai mana-mana misi dagangan, termasuk Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS) anjuran MPOC,” katanya.

MOMG juga menyokong kempen “Sayangi Sawitku” yang memupuk semangat cintakan sumber hasil negara, termasuk memberi tumpuan kepada kepentingan sosio-ekonomi, kesihatan, pemakanan, dan aplikasi makanan serta bukan makanan dan memerangi kempen anti-sawit oleh negara Barat.

Selain projek kolaborasi, MOMG juga menyuarakan beberapa isu umum yang memerlukan perhatian MPOB dan Kementerian Industri Utama (MPI).

Ini termasuk isu logistik, terutama di Sabah dan Sarawak, bekalan bahan mentah untuk pengeluaran oleokimia yang mencukupi serta spesifikasi minyak stearin yang lebih ketat.

“MPI juga meminta MOMG menghasilkan dan menyenaraikan produk bernilai tambah tinggi yang boleh membantu kementerian dalam aktiviti promosi,” katanya.

Kushairi, melalui maklumbalas berkata, MPOB sentiasa bersedia dan komited mendengar serta berbincang isu berkaitan industri oleokimia bagi memastikan industri komoditi ini berkembang maju dan berdaya saing.



Penceramah dan sebahagian peserta MTecS Maghribi 2019 di Casablanca.

Malaysia perkukuh pasaran sawit ke Maghribi

➔ Kerjasama MPOB dan ICDT kukuhkan perdagangan minyak sawit, perkongsian maklumat terkini universiti untuk menjayakan keusahawanan petani

Oleh Hisham Hussain
hishamhussain@mprob.gov.my

Casablanca, Maghribi: Pihak terbabit industri minyak dan lemak negara ini menunjukkan minat serta komitmen bagi memajukan industri, di samping mendapatkan maklumat terperinci berkaitan sawit.

Komitmen mendalam bagi mengetahui perkembangan terkini penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta potensi pasaran sawit Malaysia diterjemah melalui penyertaan dalam Seminar Teknikal Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), diadakan di sini, baru-baru ini.

Program anjuran MPOB bersama MPOB dan Islamic Centre for Development of Trade (ICDT), sebuah agensi di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang membantu dalam aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan itu, memabatkan 25 negara di benua Afrika.

Seminar bertemakan, 'Faedah Minyak Sawit Malaysia kepada

Ekonomi dan Kesihatan' bertujuan, menyebarkan maklumat terkini perkembangan industri sawit Malaysia dan penggunaan produk sawit terkini dalam produk makanan serta bukan makanan.

Seminar dirasmikan, Ketua Pengarah ICDT, Dr El Hassane Hzaine dan dihadiri Duta Besar Malaysia ke Maghribi, Datuk Astanah Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir; dan Pengarah Persatuan Pengeksport Maghribi, Abdellaziz Bellahcen.

Perkembangkan pasaran

Dr El Hassane dalam ucapannya berkata, kerjasama antara MPOB dan ICDT dalam program seumpama ini dapat memperkembangkan pasaran produk sawit Malaysia di Maghribi dan memperkukuh jalinan serta hubungan dua hala dengan pihak MPOB.

"Kerjasama MPOB dan ICDT penting dalam mengukuhkan perdagangan minyak sawit dan perkongsian maklumat terkini menge-

nai aktiviti R&D di Malaysia. Pihak ICDT mengalu-alukan kerjasama antara dua belah pihak untuk perkembangan industri perdagangan di Maghribi dan negara sekitarnya", katanya.

Sementara itu, Dr Ahmad Parveez dalam ucapannya berkata, penganjuran MTecS Maghribi 2019 menjadi platform kepada kedua-dua negara memperluaskan peluang perdagangan untuk meneroka potensi pasaran produk nilai tambah sawit yang mempunyai pasaran baik di Maghribi.

Katanya, MPOB juga menggalakkan usaha sama antara pihak industri di Maghribi dengan MPOB dalam kerjasama teknikal dan menerokai pasaran baharu di Maghribi serta pasaran di rantau Afrika.

"Ini secara langsung akan membantu memperkasakan perdagangan terutama produk tambah nilai sawit di Maghribi", katanya.

Pasaran baik

Seminar dihadiri lebih 50 peserta,

termasuk wakil agensi berkepentingan dalam industri minyak dan lemak seperti Member of National Council Pharmacists of Morocco dan Morocco Franchise Academy yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut kebaikan khasiat pemakanan, potensi pasaran di samping produk berasaskan sawit yang mempunyai permintaan pasaran baik di Maghribi.

Wakil penyelidik dari Universiti Prince Muhammad juga hadir untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai kemajuan R&D dijalankan oleh MPOB dan pihak industri Malaysia.

Maghribi menjadi antara negara penting bagi pasaran sawit Malaysia di Afrika.

Pada 2018, Malaysia mengeksport 25,646 tan produk berasaskan sawit yang merangkumi 22,057 tan minyak sawit, 1,848 tan minyak isi rung, 1,512 tan oleokimia berasaskan sawit dan 230 tan produk siap. Ia adalah peningkatan sebanyak 35.7% berbanding dengan tahun 2017.

Belanda, MPOB komited usaha sama penyelidikan

Oleh Rafizah Mazlan
rafizah@mprob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sekali lagi menjadi tuan rumah kepada 4th Meeting on the Sub-Committee on Oil Palm (SCOP) Under the Malaysia -The Netherlands Joint Working Group (JWG) on Timber and Commodities yang diadakan pada 29 hingga 31 Januari 2019 lalu.

Program antara dua negara ini adalah antara platform MPOB bekerjasama secara berterusan dengan ahli akademik Belanda.

Kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah

SCOP memberi fokus kepada penyelidikan sawit meliputi pekebun kecil, pembangunan tanaman sawit yang mampan, alam sekitar serta biodiversiti.

Tahun lalu, MPOB menandatangani memorandum persefahaman (MOA) dengan Wageningen Food and Bio-based Research, Universiti Wageningen, Belanda bagi menjalankan kajian bersama untuk penghasilan bahan pembungkusan bioplastik berasaskan batang sawit.

Kempen antiminyak sawit

Melalui program SCOP, kerajaan Belanda turut menyatakan kesediaan untuk membantu Malaysia dalam

usaha menangani kempen antiminyak sawit yang dilihat semakin menjadi-jadi di Eropah.

Malaysia adalah negara pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia selepas Indonesia. Namun, komitmen dan usaha Malaysia ke arah industri sawit yang mampan serta kebaikan minyak sawit masih kurang mendapat perhatian penduduk di Eropah.

Hubungan erat seperti ini penting kerana Kerajaan Belanda pada ketika ini merupakan negara pengimport minyak sawit terbesar di kalangan 28 negara Kesatuan Eropah.

Pada tahun 2018, nilai import minyak sawit Malaysia berjumlah RM2.19 billion.



Mesyuarat SCOP antara MPOB dan ahli akademik Belanda.

Biodiesel sawit lebih bersih, mesra alam

➔ Sokongan semua pihak penting bagi pelaksanaan penggunaan adunan B10 ditingkatkan

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Bermula 1 Februari lalu, semua stesen minyak di seluruh negara membekalkan diesel B10 iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel petroleum.

Pelaksanaan program B10 bagi sektor pengangkutan yang terganggu sejak 2016 dilancarkan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad pada 11 Disember tahun lalu di Putrajaya.

Peningkatan adunan biodiesel sawit kepada 10 peratus dalam diesel adalah komitmen kerajaan bagi penggunaan bio bahan api yang menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi negara, kualiti udara lebih bersih dan kelestarian alam sekitar.

Adunan 10 peratus biodiesel sawit dalam bahan api diesel menggunakan 534,000 tan biodiesel sawit penting bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 1.6 juta tan karbon dioksida setara dengan penjimatan pelepasan ekzos dari 100,000 kenderaan diesel di jalan raya setahun.

Penggunaan secara mandatori biodiesel sawit bagi sektor pengangkutan dimulakan pada 2011 dengan program B5 iaitu adunan lima peratus biodiesel sawit dan 95 peratus diesel petroleum.

Pelaksanaan secara berperingkat bermula di Wilayah Tengah merangkumi Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Kemudian, ia diperluaskan ke seluruh negara dengan peningkatan adunan biodiesel sawit kepada tujuh peratus atau B7 pada tahun 2014 tanpa sebarang masalah teknikal dilaporkan.

Buktikan kesesuaian

Penggunaan biodiesel sawit dalam sektor bahan api, sejajar dengan pengubalan Dasar Biobahan Api Negara pada 2006 yang memberi penekanan kepada penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) dan mesra alam.

Dalam konteks Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia, penekanan khusus adalah kepada pengeluaran biodiesel sawit selain penggunaan utama sebagai sumber makanan untuk

jutaan penduduk dunia.

Pada peringkat global, penggunaan biodiesel sebagai bahan api dilaksanakan di negara seperti Indonesia, Colombia, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat yang memanfaatkan penggunaan biodiesel dihasilkan daripada sumber minyak sayuran termasuk minyak sawit, minyak kacang soya dan minyak biji sesawi.

Di Malaysia, kajian penggunaan biodiesel sebagai bahan api kenderaan enjin diesel dimulakan sejak 1982, membabitkan kenderaan pengangkutan seperti bas dan teksi yang dipelopori oleh penyelidik Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

Kerjasama penyelidikan dengan Mercedes Benz membabitkan 36 bas komersial yang menggunakan biodiesel sawit tulen (B100), B50 (adunan 50 peratus biodiesel sawit dengan 50 peratus diesel petroleum) dan B0 (diesel).

Kejayaan penggunaan biodiesel sawit membuktikan kesesuaian penggunaannya sebagai bio bahan api masa depan yang mesra alam.

Kajian penggunaan biodiesel sawit sebagai bahan api adalah strategi kerajaan bagi mempelbagaikan penggunaan minyak sawit khususnya dalam sektor bukan makanan.

Penyelidikan PORIM membawa kepada pembinaan Loji Rintis Biodiesel Sawit pada tahun 1985 bagi pengeluaran biodiesel sawit atau palm metil ester serta kajian lanjutan bagi penghasilan produk tambah nilai yang berhasil tinggi.

Penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang mengambil alih peranan PORIM pada tahun 2000, meningkatkan kemajuan penyelidikan biodiesel, termasuk pembangunan teknologi pengeluaran biodiesel sawit suhu normal dan suhu sejuk bagi kegunaan di negara bermusim sejuk.

Tepati piawaian

Teknologi pengeluaran biodiesel MPOB menepati piawaian Malaysia MS2008:2014 dan piawaian Eropah EN14214:2012.

Lebih membanggakan, teknologi pengeluaran biodiesel dibangunkan oleh penyelidik MPOB menghasilkan produk bernilai tinggi seperti karotena dan vitamin E sebelum proses akhir pengeluaran biodiesel.

Teknologi pengeluaran biodiesel MPOB dikomersialkan dengan pembinaan kilang biodiesel dalam dan luar negara.

Kini, ada sembilan loji biodiesel sawit bergred normal dan tiga loji biodiesel sawit gred musim sejuk yang dibangunkan menggunakan teknologi dan kepakaran MPOB termasuk di Korea Selatan, Thailand dan Colombia.

Pelaksanaan program B10 dengan kadar adunan biodiesel lebih tinggi, sekali gus meningkatkan penggunaan minyak sawit yang diguna sebagai sumber pengeluaran biodiesel.



Tun Dr Mahathir ketika melancarkan Biodiesel Sawit B10.

Teresa Kok dan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad melancarkan penggunaan B10 untuk kenderaan DBKL.

Langkah strategik ini merangsang peningkatan harga minyak sawit yang mengalami kejatuhan kesan kelembapan pasaran minyak sayuran dunia dan peningkatan paras stok dalam negara.

Peningkatan adunan 10 peratus biodiesel akan menggunakan sebanyak 534,000 tan minyak sawit setahun dan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 1.6 juta tan setara setahun.

Harga sawit yang stabil memberi manfaat kepada pengusaha ladang dan 650,000 pekebun kecil sawit untuk menikmati pendapatan lumayan.

Komitmen kerajaan dan sokongan semua pihak dalam penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui akan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan ekonomi negara.

Kita boleh mencontohi Indonesia yang melaksanakan adunan biodiesel sawit 20 peratus sejak tahun 2016 bagi kegunaan sektor pengangkutan.

Negara lain seperti Colombia dan Argentina turut mengembangkan agenda biodiesel dengan mengorak langkah bagi pelaksanaan penggunaan adunan B10 atau lebih tinggi.

Sokong inisiatif

Dengan manfaat penggunaan biodiesel dan sumber bekalan minyak sawit dalam negara, Malaysia wajar memanfaatkan penggunaan biodiesel sawit sebagai bio bahan api.

Semua pihak perlu menyokong inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kadar adunan biodiesel sawit kepada 20 peratus menjelang tahun 2020.

Ini bukan halangan kerana Malaysia mempunyai kepakaran penyelidikan dan pembangunan negara maju dan kelengkapan infrastruktur sistem pengangkutan biodiesel sawit 'in-line blending' di depoh petroleum tersedia di seluruh negara.



Semua pihak termasuk syarikat petroleum, pemain dalam sektor automotif, pengeluar kenderaan dan pengeluar peralatan asal (OEM) perlu bekerjasama dan menyokong inisiatif kerajaan melalui Kementerian Industri Utama bagi penggunaan sumber tenaga mesra alam.

Dari aspek teknikal, penyelidikan MPOB dan kerjasama dengan Persatuan Pengeluar Kenderaan Jepun (JAMA) memperakui kesesuaian penggunaan adunan B10 hingga 20 peratus bagi kenderaan enjin diesel Euro 4/IV ke bawah.

Sebahagian besar pengeluar kereta sudah memberi jaminan enjin bagi penggunaan B10. Penggunaan secara percubaan Biodiesel B10 membabitkan pelbagai model kenderaan enjin diesel dan jarak perjalanan yang mencapai jutaan kilometer.

Ini termasuk Ekspedisi Trans-Borneo dari Belaga di Sarawak merentasi banjaran Crocker ke Kundasang, Sabah pada tahun 2017.

Terbukti penggunaan Biodiesel B10 tidak menjejaskan prestasi enjin kenderaan semasa pendakian dan enjin dapat dihidupkan selepas bermalam di Kundasang yang mencatat suhu sejuk 15 darjah Celsius.

Beri manfaat

Kerjasama MPOB dengan agensi kerajaan dan swasta bagi penggunaan adunan biodiesel B10 atau lebih tinggi membabitkan pelbagai model kenderaan membuktikan kesesuaian teknikal biodiesel sawit sebagai bahan api.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), syarikat perladangan FGV dan Sarawak Oil Palms Berhad sudah mengorak langkah menggunakan adunan biodiesel sawit B10 atau kadar lebih tinggi tanpa sebarang masalah.

DBKL antara agensi terawal menggunakan biodiesel sawit bermula B5 ditingkatkan kepada B10. Inisiatif DBKL adalah selari

dengan matlamat mencapai sasaran 'low carbon city' ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya hijau.

MPKJ, agensi pertama menggunakan adunan biodiesel sawit 20 peratus (B20) bagi pelbagai jenis kenderaan enjin diesel.

Maklum balas positif penggunaan biodiesel sawit dari aspek teknikal meliputi pengurangan pelepasan asap dan bunyi bising enjin kenderaan, penjimatan penggunaan bahan api, mengurangkan pergesehan dalam enjin memberi manfaat kepada pengguna kenderaan enjin diesel.

Penggunaan biodiesel juga tidak memerlukan pengubahsuaian enjin kenderaan.

Kejayaan penyelidikan MPOB menerajui penggunaan biodiesel sawit bagi sektor pengangkutan menjadi inspirasi bagi lonjakan ke arah penerokaan penggunaan biodiesel sawit bagi pesawat udara untuk persekitaran udara lebih bersih.



MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019



19-21
NOVEMBER
2019

Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Join this prestigious event of 2019 !

Organised by:

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

www.mpob.gov.my

Connect with us at

pipoc@mpob.gov.my

pipoc.mpob.gov.my



Teknologi MPOB raih pingat MTE 2019

➔ Rangkul emas, satu perak, satu gangsa dan Anugerah Khas inovasi

Oleh Syed Mohd Hazry Syed Hamid

mohd.hazry@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meraih pingat emas menerusi inovasi bertajuk Diagnostic Kit for Detection of Ganoderma Using PCR Technology sempena Malaysian Technology Expo (MTE) 2019.

Dalam acara tahunan itu, MPOB turut berjaya merangkul satu perak, satu gangsa dan Anugerah Khas melalui beberapa inovasi yang mengambil bahagian dalam MTE 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Pingat emas diperolehi melalui inovasi yang diketuai oleh Pegawai Penyelidik Prinsipal, Dr Idris Abu Seman, bertajuk Diagnostic Kit for Detection of Ganoderma Using PCR Technology.

Kit pengesanan Ganoderma

dibangunkan secara komersial bagi mengesan kulat patogen pada peringkat awal jangkitan. Kit ini spesifik dan mempunyai sensitiviti yang tinggi untuk mengesan kulat Ganoderma.

Kaedah pengesanan Ganoderma melalui teknologi PCR ini juga cepat, mudah dan mempunyai kadar kebolehppercayaan yang tinggi.

Pingat perak pula dimenangi inovasi bertajuk Rapid Molecular Diagnostic Kit for Detection of Pathogenic *Phytophthora* oleh Dr Maizatul Suriza Mohamed.

Kit diagnostik ini adalah untuk mengesan patogen *Phytophthora* menggunakan teknologi asid nukleik (DNA). Kit ini mengandungi pencetus biologi khas yang direka khas untuk mengenal pasti kehadiran DNA patogen *Phytophthora*.

Ia bukan sahaja berguna untuk penyaringan patogen penyakit sawit, tetapi boleh diguna pakai bagi pemantauan penyakit



Dr Maizatul Suriza dan Dr Mohd Hefni Rusli bersama pingat dan anugerah yang dimenangi di MTE 2019 di Kuala Lumpur.

Phytophthora dalam tanaman lain.

Satu pingat gangsa diperolehi MPOB melalui inovasi bertajuk Biosecurity Mobile App: Minimizing Threat and Prioritization of Devastating Exotic Pests, Diseases and Weeds of Oil Palm in Malaysia oleh Dr Mohd Hefni Rusli.

Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan penyampaian maklumat berkaitan dengan serangga perosak, penyakit dan rumpai eksotik yang belum terdapat di Malaysia.

Aplikasi mudah alih ini terdiri pengenalan pelan biosekuriti, ancaman serangan perosak, penyakit dan rumpai, penilaian risiko, pengurangan risiko, pengurusan kontingensi dan tindak

Fakta nombor

426 JUMLAH penyertaan inovasi

125 JUMLAH mewakili agensi dan syarikat seluruh Malaysia

balas.

Inovasi ini turut menerima anugerah khas bagi Best Innovation for ICT.

MTE 2019 anjuran Malaysian Association of Research Scientist (MARS) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn Bhd bertemakan 'Asia's Inventions and Innovations Marketplace' adalah pertandingan reka cipta yang memberi peluang kepada pereka cipta dan saintis untuk memamerkan idea inovatif dan kreatif hasil ciptaan mereka.

Sebanyak lima kategori anugerah yang ditetapkan penganjur bagi 426 penyertaan inovasi mewakili 125 agensi dan syarikat seluruh Malaysia.

MPOB tumpuan pelajar luar, dalam negara pelajari sawit



Pelajar dari Institut Pertanian Bumbung Lima mendengar penerangan berkaitan bahan tanaman sawit ketika melawat Galeri Sawit di ibu pejabat MPOB, Bangi.

Oleh Dr Laziana Ahmad

laziana@mpob.gov.my

Bangi: Industri sawit negara semangannya menjadi tumpuan bagi pelajar yang ingin mendalami industri komoditi utama Malaysia.

Baru-baru ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima lawatan dua kumpulan pelajar iaitu pelajar lepasan ijazah jurusan Pengurusan Sains daripada School of Management Sciences, Kushipur, Varanasi, India dan pelajar jurusan Pengkhususan Estet daripada Institut Pertanian Bumbung Lima, Pulau Pinang.

Pelbagai soalan diutarakan sewaktu sesi perbincangan dijalankan sempena lawatan ke ibu pejabat MPOB, di sini.

Antaranya adalah khasiat dan kelebihan minyak sawit merah (red

palm oil) berbanding minyak masak biasa, perkembangan penyelidikan tisu kultur sawit dan kajian untuk membendung penyakit sawit di Malaysia; serta perancangan MPOB dalam menghasilkan jenis pokok sawit lebih baik pada masa hadapan.

Sesi perbincangan turut disertai oleh penyelidik dari Bahagian Penyelidikan Biologi, Dr A'fifah Abd Razak dan Nur Zuhaili Harris Abidin.

Pelajar teruja

Lawatan selama satu jam itu turut mendedahkan pelajar kepada jenis pokok dan buah sawit, produk makanan serta bukan makanan berasaskan sawit serta maklumat dari aspek sumbangan sawit terhadap ekonomi negara.

Pelajar teruja apabila mengetahui mengenai produk harian yang biasa digunakan sebenarnya mempunyai unsur minyak sawit dan boleh

diperbuat daripada bahan buangan biojisim sawit, misalnya perabot serta kelengkapan aksesori kereta, tilam dan lilin beraroma yang boleh dihasilkan daripada ekstrak minyak sawit melalui teknologi oleokimia.

MPOB sentiasa mengalu-alukan kedatangan orang awam, terutamanya pelajar untuk belajar dan mendalami kelebihan pokok yang digelar 'tanaman emas' ini.

Ini adalah sejajar dengan kempen kerajaan 'Sayangi Sawitku (Love MY Palm Oil)' yang bertujuan untuk menambahkan kesedaran awam agar lebih menghargai pokok yang sering dilihat sepanjang perjalanan di lebuh raya di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut dan penetapan waktu lawatan, orang awam boleh menghubungi Dr Laziana Ahmad, pegawai Unit Komunikasi Korporat MPOB melalui email: laziana@mpob.gov.my.

Pembajaan berkesan jamin hasil tinggi

➔ MPOB berjaya kaji, hasilkan formula baja beri kesan optimum kepada pokok sawit

Oleh Dr Laziana Ahmad
laziana@mpob.gov.my

Tanaman sawit berkembang pesat sejak lebih 100 tahun diperkenalkan di Malaysia. Sawit adalah tanaman komoditi utama yang menyumbang lebih 67 bilion ringgit kepada pendapatan negara.

Namun, tahun kebelakangan ini menunjukkan kemurungan harga pasaran minyak sayuran dunia dan ini turut memberi kesan kepada tanaman sawit.

Untuk terus kekal berdaya saing dan mengharungi keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan, penjimatan dari segi pengeluaran dan penghasilan sawit harus diutamakan.

Pembajaan adalah faktor utama perlu dikawal kerana lebih 25 hingga 50 peratus kos pengeluaran sawit adalah kos pembajaan.

Seperti hidupan lain, pokok memerlukan pemakanan terbaik untuk pertumbuhan. Selain baja, bekalan nutrien untuk pertumbuhan pokok diperoleh daripada pelepah sawit yang dipangkas, hujan dan tanah.

Misalnya, pelepah sawit yang dipangkas dapat membekalkan 36 peratus unsur nitrogen dan 27 peratus unsur kalium.

Secara asasnya, baja adalah pilihan untuk mencukupkan keperluan nutrien yang diperoleh daripada sumber semula jadi lain. Kandungan baja sarat dengan unsur nutrisi seperti nitrogen, fosforus dan kalium yang penting untuk pertumbuhan pokok.

Formulasi baja sawit MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya mengkaji dan menghasilkan pelbagai formula baja yang dapat memberi kesan optimum kepada pokok sawit.

Sehingga kini, terdapat lebih enam jenis baja dikenali sebagai baja sebatian F1 hingga F6 yang mempunyai formulasi kandungan nutrisi dalam nisbah yang berbeza, mengikut kesesuaian tanah yang berbeza.

Misalnya, tanah gambut berasid, mengandungi nutrien dan kepadatan tanah yang rendah memerlukan formula baja unik.

Penyelidik di MPOB membangunkan rumusan baja spesifik untuk pokok sawit yang ditanam di tanah gambut, dikenali sebagai F3 Super K dan MPOB F3.

Kedua-dua baja ini mempunyai kandungan mineral tinggi dengan formulasi tahan lesap di tanah yang berkepadatan rendah.

Rumusan baja MPOB yang terbaharu, baja F6 yang memberikan kesan optimum kepada pokok sawit ditanam di semua jenis tanah terutamanya tanah

rendah bahan organik.

Baja sebatian dihasilkan mempunyai pelbagai kelebihan selain lebih murah, mengandungi kandungan formula nutrien seimbang, saiz molekul baja seragam dan keberkesanan yang dapat mengurangkan kekerapan pembajaan.

Amalan pembajaan yang baik

Penggunaan baja yang terancang dapat mengimbangi kadar penggunaan dan kos pembiayaan.

Kekerapan pembajaan dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya usia dan keadaan pertumbuhan fisiologi pokok, jenis tanah iaitu tanah liat, tanah berpasir atau tanah gambut, kecerunan tapak tanaman dan iklim kawasan.

Perkara yang perlu diambil kira untuk mendapatkan kesan terbaik dari penggunaan baja yang terancang adalah pemilihan jenis baja dan kekerapan yang sesuai dengan keadaan serta keperluan nutrien tanah dan pokok pada usia pokok yang berbeza, penempatan tapak taburan baja dan taburan hujan di kawasan ladang.

Langkah ini penting untuk mengawal risiko berlaku kehilangan nutrien dan pembaziran baja.

Kekerapan pembajaan lebih tinggi biasanya diperlukan oleh pokok yang belum matang (sebelum tiga tahun) kerana pertumbuhan cepat tetapi dengan akar, belum terbentuk sepenuhnya.

Penempatan baja berperanan penting dalam amalan pembajaan yang baik.

Tapak taburan baja bergantung kepada pertumbuhan akar yang mengikut usia pokok, jenis tanah dan keadaan fizikal rupa bumi (terrain) kawasan ladang.

Peladang biasanya, dinasihatkan untuk menabur baja di kawasan akar penyerap (feeder root) untuk penyerapan maksimum.

Kawasan akar penyerap berbeza mengikut umur pokok.

Misalnya, tapak taburan baja bagi pokok sawit berumur satu hingga tiga tahun dicadangkan dekat dengan tapak batang pokok dan melebarkan tapak taburan baja apabila usia pokok bertambah.

Bagi pokok berumur lebih matang, tapak taburan baja tidak kritikal dan baja boleh ditabur di antara barisan pokok sawit (lihat rajah).

Pembajaan pada waktu yang sesuai juga menjamin keberkesanan penghasilan buah sawit.

Mengikut kajian, hasil tinggi diperoleh apabila pembajaan tidak dilakukan semasa musim hujan lebat lebih dari 250 mm sebulan dan musim kering dengan hujan kurang dari 25 mm sebulan.

Pembajaan juga tidak digalakkan sebelum waktu merumput untuk mengelakkan persaingan antara pokok rumput dan pokok sawit, terutamanya pokok sawit yang belum matang.

Amalan pembajaan yang baik adalah kunci kepada pendapatan hasil efisien dan tinggi.

MPOB sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus industri sawit menyediakan pelbagai panduan dan tunjuk ajar, secara ilmiah serta khidmat nasihat daripada pegawai lapangan untuk membantu pekebun mempelajari dan seterusnya mengamalkan pembajaan terbaik.

Tapak Taburan Baja

Sawit berumur 1- 3 tahun Sawit berumur 3 - 5 tahun Sawit berumur 5 tahun

Tapak taburan baja yang sesuai mengikut umur pokok sawit

First Announcement

TOT 2019

25th MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR & EXHIBITION

TUESDAY, 9 JULY 2019
MPOB HEAD OFFICE, BANGI, SELANGOR

WHAT IS TOT?

It is the transfer of new MPOB R&D findings from bench to the market place. The new technologies and services are offered to the oil palm industry for adoption and commercialisation. TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities in wealth creation.

TARGET AUDIENCE

- Entrepreneurs
- Small and Medium Scale Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Engineering Professionals
- R&D Personnel/ Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/ Traders/ Processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/ oil palm industry

EVENT HIGHLIGHTS

- Launch of the new technologies:
- Plantation
 - Biotechnology
 - Milling and Processing
 - Oleochemical
 - Food Technology
- Exhibition on new products and services



Technical enquiries, please contact:

Dr Anis Mokhtar
Tel: 03-8769 4574

Suraya Mohamad
Tel: 03-8769 4579

E-mail: tot@mpob.gov.my



Permasalahan lebih besar di sebalik artikel Buletin WHO

Pada awal Februari lalu, satu artikel berkaitan minyak sawit bertajuk "The Palm Oil Industry Non-communicable Diseases" (Industri Minyak Sawit dan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit) diterbitkan dalam buletin bulanan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tanpa diduga artikel ini didapati, mengancam minyak sawit dengan hujah mengecilkan, lapuk dan berat sebelah.

Walaupun artikel ini memberi tamparan baharu kepada industri minyak sawit, terdapat satu masalah lebih serius di sebalik penerbitan artikel ini.

Salah satu hujah tidak masuk akal ialah industri minyak sawit terlalu memberi tumpuan kepada aktiviti 'melobi' sehingga mengabaikan bukti saintifik.

Malangnya, pengarang artikel ini sendiri terpengaruh dengan hujah puak pelobi anti minyak sawit sehingga mengabaikan lambakan bukti saintifik lain yang sudah mengesahkan khasiat minyak sawit kepada kesihatan.

Untuk mengulas isu dibangkitkan oleh ketiga-tiga pengarang artikel ini, mari kita kaji isu kemiskinan yang menjadi cabaran terbesar di negara membangun.

Pengarang artikel ini menulis bahawa sektor minyak sawit sering menggunakan isu membasmi kemiskinan. Dalam hal ini, pengarang artikel ini adalah betul.

Pendapatan tetap

Perusahaan tanaman sawit sememangnya berjaya menyelamatkan berjuta-juta penduduk miskin daripada belunggu kemiskinan dengan menyediakan satu punca pendapatan konsisten kepada petani kecil dan masyarakat luar bandar serta membantu warga Afrika, Asia, Amerika Latin dan lain-lain membina kehidupan lebih baik dan sihat untuk keluarga mereka.

Adakah pengarang artikel terbitan buletin WHO ini berpendapat, sumbangan tanaman sawit ini adalah sesuatu yang keji? Mungkin mereka perlu diingatkan, kemiskinan salah satu punca utama kemerosotan penjagaan kesihatan.

Bank Dunia pernah mengeluarkan satu kenyataan berbunyi, "kemiskinan adalah punca utama kemerosotan kesihatan dan satu bentuk halangan kepada



orang miskin untuk mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan."

Mungkin pengarang artikel buletin WHO ini tidak sedar bahawa minyak sawit, serampang dua mata yang bermanfaat kepada kedua-dua pengeluar dan pengguna.

Oleh kerana sebilangan besar mereka ini menetap di negara membangun, petani kecil di Malaysia dan Indonesia boleh menjana pendapatan tetap melalui penjualan buah sawit untuk menyara hidup di samping mengekalkan kesihatan diri dan ahli keluarga; manakala pengguna miskin di India atau Afrika boleh menikmati makanan berasaskan minyak sawit yang kaya dengan zat dan Vitamin E tocotrienol dan Pro-Vitamin A karotena pada harga mampu milik untuk meningkatkan kesihatan mereka.

Justeru, menyelamatkan berjuta-juta orang daripada belunggu kemiskinan seperti sektor minyak sawit berjaya lakukan adalah lebih berkesan dan lebih baik berbanding mana-mana program dan birokrasi WHO yang pernah diperkenalkan untuk mencapai tujuan sama.

Mungkin kritikan pengarang artikel ini ialah negara pengeluar minyak sawit terlalu berbangga dengan peranan sawit dalam membasmi kemiskinan.

Sekali lagi, sektor minyak sawit bersalah seperti yang didakwa: selama bertahun-tahun Malaysia menyediakan data, kajian serta kenyataan umum untuk membuktikan bagaimana ia berjaya melahirkan masyarakat baharu dan menjana ekonomi luar bandar melalui tanaman sawit yang diusahakan secara sistematik dan mampan.

Tuduhan lapuk

Penanaman sawit ala 'Model Malaysia' ini sudah dikaji dan diguna pakai oleh beberapa negara membangun untuk dicontohi dan diadaptasi dalam mengurangkan kadar kemiskinan

di negara mereka.

Sudah tentu, perkara ini perlu disambut baik oleh pengarang artikel buletin WHO ini.

Berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai langkah yang terbukti berkesan dalam membasmi kemiskinan boleh membantu meningkatkan kesihatan penduduk di negara membangun berkenaan.

Namun sebaliknya, pengarang artikel ini masih berpegang pada tuduhan puak pelobi anti minyak sawit yang sudah lapuk.

Pengarang ini seterusnya mengkritik minyak sawit dalam isu asid lemak trans.

Untuk makluman, beberapa negara tertentu mengharamkan penggunaan asid lemak trans kerana kesan mudaratnya pada kesihatan manusia.

Minyak sawit secara semula jadinya adalah bebas daripada asid lemak trans dan ia boleh menggantikan fungsi asid lemak trans dalam penyediaan makanan tanpa memudaratkan kesihatan.

Sekali lagi, fakta ini dengan jelas menunjukkan minyak sawit adalah baik untuk kesihatan manusia.

Walau bagaimanapun, pengarang artikel dalam buletin WHO ini sekali lagi mengabaikan fakta ini dengan menegaskan bahawa industri minyak sawit mungkin boleh menjana keuntungan yang lebih besar hasil daripada peningkatan jualan produknya.

Adakah mereka lebih suka melihat kemerosotan kesihatan yang ketara atau penggunaan semula asid lemak trans dalam makanan?

Masih belum berpuas hati dengan mengabaikan bukti-bukti kukuh tentang sumbangan minyak sawit kepada kesihatan dan membasmi kemiskinan, pengarang artikel ini beralih pula kepada isu alam sekitar untuk terus mengkritik minyak sawit.

Strategi mereka ini adalah hampir sama dengan tuduhan terdahulu puak pelobi anti minyak sawit yang berjaya dipatahkan berulang kali.

Abaikan fakta

Salah satu isu yang dikaitkan dengan minyak sawit ialah pembakaran terbuka secara besar-besaran dan masalah jerebu. Realitinya, Malaysia

mempunyai undang-undang ketat berkaitan pembakaran secara terbuka dan pencemaran udara.

Fakta ini juga diabaikan oleh pengarang artikel berkenaan. Malah, mereka juga mendakwa industri minyak sawit menggalakkan penebangan hutan secara besar-besaran walaupun kajian penilaian hutan yang diterbitkan oleh Pertubuhan Makanan & Pertanian (FAO) pada 2015 menunjukkan bahawa kawasan hutan di Malaysia semakin meningkat dan jauh lebih tinggi berbanding kawasan hutan di kebanyakan negara Barat.

Sekali lagi, fakta sebegini diabaikan. Malah dakwaan bahawa jerebu menyebabkan kematian kira-kira 100,000 orang dalam setahun telah dinafikan oleh Kementerian Kesihatan di negara terbabit.

Jika pengarang artikel dalam buletin WHO melakukan sedikit penyelidikan ketika menulis artikel itu, semua fakta ini boleh diperolehi dengan mudah.

Sekali lagi, fakta tepat mengenai penanaman sawit telah diabaikan. Amalan perladangan baik yang dipraktikkan di ladang sawit seperti tiada pembakaran terbuka, penggunaan racun serangga perosak dan baja kimia yang minimum, sudah tentu akan dipaparkan dalam mana-mana artikel mengenai minyak sawit dan kesihatan?

Tidak. Pengarang artikel ini secara sengaja mengabaikan fakta ini dan terus menyokong hujah puak pelobi anti minyak sawit untuk mengelirukan pembaca.

Walau bagaimanapun, pengarang artikel ini sekurang-kurangnya bersikap jujur mengenai pandangan berat sebelahnya terhadap minyak sawit.

Kurang bukti

Sepanjang artikel itu ditulis, banyak tuduhan lapuk yang dilemparkan oleh puak pelobi anti minyak sawit diolah semula dengan panjang lebar, walaupun hujah mereka kekurangan bukti saintifik.

Mana-mana penyelidikan yang berkaitan dengan minyak sawit dengan mudah diabaikan. Ini adalah contoh klasik di mana penghakiman dibuat bukan berdasarkan bukti tetapi berdasarkan prejudis yang sedia ada.

Secara ringkasnya, pengarang artikel dalam buletin

KEBANGGAAN NEGARA

Imbas untuk menang

MPOC

www.mpoc.org.my www.lovemypalmoil.com.my

SAYANGI SAWITKU

Produk Malaysia 5★

#sayangisawitku

WHO ini tidak meragui bukti semasa yang menunjukkan minyak sawit berupaya membasmi kemiskinan, menjadi pilihan terbaik kepada asid lemak trans dan membantu memulihara alam sekitar dengan operasi pengeluarannya yang lebih cekap.

Mana-mana penilaian baharu yang objektif akan menyimpulkan bahawa sawit adalah tanaman minyak sayuran berguna dan berkhasiat.

Sebaliknya, pengarang artikel dalam buletin WHO ini membandingkan minyak sawit dengan alkohol dan tembakau.

Vitamin E tocotrienol yang terdapat secara semula jadi dalam minyak sawit menyediakan vitamin penting kepada penduduk yang

kurang mendapat zat di negara membangun tetapi pengarang artikel itu membandingkannya dengan rokok? Ini sesuatu yang melucukan.

Bagaimanapun, pengarang artikel ini mengakui bahawa, "Kita perlu memahami dengan lebih baik produk minyak sawit."

Ya, melalui tulisan ini, memang jelaslah mereka perlu melakukannya dengan segera!

(Artikel ini telah disunting daripada artikel asal yang bertajuk, "WHO study full of errors, omissions, assumptions and bias.")

Sila layari laman sesawang, www.facesofpalmoil.org untuk mendapatkan salinan artikel asal ini.)

Pelaksanaan program biodiesel tingkat harga sawit

Pada era globalisasi tanpa limitasi ini, pembabitan serius dalam sektor pertanian dapat mempercepat usaha memperkukuh ekonomi segera.

Sehingga hari ini, Malaysia masih lagi terkenal sebagai negara pertanian walaupun sektor perindustrian rancak berkembang.

Sektor pertanian bukan sahaja merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, malah memberikan manfaat kepada semua pihak. Sektor pertanian sawit dan perindustrian sawit, misalnya antara penyumbang terbesar yang dapat meningkatkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, cara untuk meningkatkan harga sawit adalah melalui projek biodiesel iaitu campuran minyak kelapa sawit sebanyak 10 peratus di dalam minyak diesel.

Projek itu dinamakan B10 diterajui oleh dua pihak yang berganding bahu iaitu kerajaan dan juga swasta dalam memastikan projek biodiesel itu mencapai objektif dan terlaksana. Hasil daripada projek berkenaan boleh dieksport ke luar negara.

Dengan pelaksanaan biodiesel dianggarkan, dapat menjimatkan kos pengimporan diesel iaitu sebanyak RM1.64 billion setahun dengan penggantian kepada biodiesel sawit sebanyak 761,000 tan setahun.

Sektor pertanian menjanjikan pulangan lumayan dan dapat mengurangkan defisit import. Oleh itu kerajaan memberi tumpuan kepada pengeluaran gantian import hasil tanaman ini.

Selain itu, kerajaan juga mengeluarkan arahan kepada syarikat petroleum untuk menukarkan biodiesel B7 yang sedia ada kepada biodiesel B10 untuk sektor pen-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

NUR BALQIS MOHD HASHIM
Sekolah Menengah Agama (SMA) Syubbaniah, Batu Kurau, Perak

gangkutan dan juga sektor industri.

Kajian MPOB menunjukkan, impak positif, sekali gus menjamin kelancaran enjin dan tidak memberi apa-apa kesan.

Melalui penggunaan 10 peratus biodiesel sawit di Malaysia bagi kenderaan berat dan menggunakan minyak diesel seperti bas, lori, kereta dan lain-lain, mengurangkan jumlah pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 1.6 juta tan dan tidak menjejaskan alam sekitar.

Program biodiesel B10 turut menyebabkan penanaman sawit akan berkembang dengan pesat, sekali gus mengurangkan kadar pengangguran.

Impaknya, pelabur dan usahawan tempatan semakin cenderung untuk membina kilang berasaskan pertanian dan ini memajukan ekonomi negara.

Tumpuan terhadap sektor perladangan tentulah dapat mengurangkan jurang sosio ekonomi antara masyarakat luar bandar. Justeru, hasrat

kerajaan mengurangkan kemiskinan tegar rakyat di luar bandar dapat diatasi secara berperingkat.

Perladangan juga menghasilkan produk sampingan yang dapat dikomersialkan. Dengan adanya sistem penggangkutan yang cekap, sektor ini dapat dimajukan dan diperluas.

Melalui projek B10 meningkatkan hasil pendapatan negara dan dikembangkan ke peringkat antarabangsa kerana kualiti lebih baik dan bersifat mesra alam berbanding minyak diesel sedia ada.

Konklusinya, penyelidikan dan ciptaan baharu dalam pertanian ini akan terus diusahakan demi meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian dan sekali gus dapat memajukan sektor pertanian di negara kita.

Jelas sekali, industri sawit mampu memberikan manfaat kepada rakyat dan ekonomi negara. Malah, projek B10 ini dapat meningkatkan harga sawit dan dapat menguntungkan semua pihak.



Sektor pertanian menjanjikan pulangan lumayan dan dapat mengurangkan defisit import. Oleh itu kerajaan memberi tumpuan kepada pengeluaran gantian import hasil tanaman ini"

Harga sawit dapat ditingkat dengan pelbagai cara

Caruan globalisasi dan arus transformasi berjaya mencipta Malaysia yang lebih maju, dinamik dan progresif.

Industri pertanian sudah melalui suatu anjakan paradigma ke arah usaha bagi memantapkan produktiviti hasil pertanian di samping mengekalkan harga pasaran terutamanya industri sawit negara. Ini kerana pada 2019 harga minyak sawit mentah (MSM) dijangka akan menjadi lebih stabil dan kukuh berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, harga MSM dijangka meningkat ke RM2,232 satu tan bagi tahun 2018. Beliau turut menyatakan pendapatan eksport dijangka naik 10.7% menjadi RM75 bilion, berbanding 2018 iaitu sebanyak RM67.74 bilion.

Dalam memastikan keunggulan industri sawit di samping memberi manfaat kepada seluruh pekebun di negara ini supaya sumber pendapatan mereka dapat ditingkatkan, kerajaan menerusi MPOB selaku teraju utama, perlu melaksanakan analisis SWOT (Strength, Weakness, Opportunity, Threat) yang lebih telus untuk mengetahui kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada dalam industri sawit.

Ini kerana masalah utama yang dihadapi Malaysia adalah dalam menyangkal spekulasi negara Barat terhadap impak negatif minyak sawit terhadap kesihatan, alam sekitar dan sosial.

Serangan sebegini menjejaskan hubungan diplomasi Malaysia dengan negara Barat dan merencatkan potensi perniagaan serta perdagangan antara kedua-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

THAMARAI A/P M. MUNISAMY
Nilai, Negeri Sembilan

kedua pihak.

Justeru, penting untuk kita menangani sebarang kelemahan dalam pengeluaran minyak sawit dengan menggunakan kelebihan dan peluang yang sedia ada.

Langkah sebegini membolehkan penjenamaan semula minyak sawit. Pada masa sama, berimpak tinggi dari segi pemasaran bagi produk berkualiti yang telah diiktiraf di peringkat global.

Usaha meningkatkan harga sawit juga bergantung pada penyusunan strategik yang lebih rapi. Negara tidak boleh bergantung pada perdagangan minyak sawit mentah tetapi perlu menerokai bidang baharu berasaskan minyak sawit dan tanaman sawit seperti bidang oleokimia, farmaseutikal/nutraceutikal; baja, bahanapi bio, biojisim, loji penapis dan makanan. Ini bagi memastikan permintaan dan sambutan industri sawit sentiasa tinggi pada peringkat antarabangsa di samping memastikan tahap kompetitif.

Malaysia juga perlu memikirkan cara membersihkan nama negara, khususnya terhadap tuduhan dan tohmahan yang dilem-

parkan ke atas industri sawit.

Ini kerana Kesatuan Eropah (EU) sedang giat meuar-uarkan kempen anti-minyak sawit yang membawa kerosotasi seolah-olah semua produk yang berasaskan sawit adalah tidak sihat dan tidak mesra alam.

Setiap forum, persidangan antarabangsa, sesi dialog, pembentangan kertas kerja pada peringkat antarabangsa dan lawatan kerja ke negara asing terutamanya di Eropah perlu dimanfaatkan bagi mempromosikan kegunaan minyak sawit serta menerangkan kelebihan dari aspek kesihatan dan juga pemeliharaan hutan.

Selain itu, delegasi Malaysia yang mewakili Malaysia ke forum antarabangsa juga bertungkus lumus berusaha untuk meuar-uarkan usaha kerajaan misalnya penetapan Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) secara mandatori mulai Januari 2020.

Penetapan syarat menunjukkan betapa seriusnya kerajaan Malaysia dalam memastikan pengeluaran minyak sawit berkualiti. Kementerian Industri Utama mengorak beberapa langkah proaktif bagi menstabil serta meningkatkan harga sawit.

Antara usaha itu, pengumuman pelaksanaan Program B10 yang mana 10% biodiesel sawit diadun dengan 90% diesel petroleum bagi sektor pengangkutan mulai 1 Februari 2019 dan Program B7 bagi sektor industri bakal diperkenalkan 1 Julai 2019. Usaha sebegini meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik dari menjadi bahan alternatif kepada barangan keperluan dimana industri sawit ini diangga sebagai tanaman emas yang berupaya menjana pendapatan negara.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MAC 2019

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: Kempen anti-minyak sawit kurangkan permintaan. Bincangkan.

Kategori 2 – Awam
Tajuk: Kerjasama antara negara-negara pengeluar sawit akan tingkat permintaan dan stabilkan harga sawit. Bincangkan.

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama : **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua : **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga : **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran APRIL 2019.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT FEBRUARI 2019

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Balqis Mohd Hashim
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Nur Fatini Raizul Azis
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

Hadiah Ketiga
Aina Shuhada Mohd Naseb
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Thamarai A/P M. Munisamy
Nilai, Negeri Sembilan

Hadiah Kedua
Mohd Zabidi Nordin
Batu Kurau, Perak

Hadiah Ketiga
Mohd Fadhil Asari
Kuala Terengganu,
Terengganu

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor telefon, alamat email (jika ada) nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 Mac 2019.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**
Email: **watie@mpob.gov.my**



Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Timbalan Menteri Makanan dan Pertanian Indonesia, Ir. Musdhalifah Machmud bersama delegasi kedua-dua negara mengadakan perbincangan dua hala di Putrajaya.



Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Menteri Perdagangan dan Industri Norway, Torbjorn Roe Isaksen memegang burung hantu yang merupakan antara kaedah kawalan perosak padu di ladang sawit semasa lawatan di Pulau Carey.



Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin bersama pekebun kecil yang hadir pada program Taklimat Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Dialog di Serian, Sarawak.



Menteri Industri Utama, Teresa Kok menerima kunjungan hormat Menteri Perdagangan dan Industri Norway, Torbjorn Roe Isaksen di Pulau Carey, Selangor. Turut serta Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Marzuki Yahya (tiga dari kiri), Duta Besar Norway ke Malaysia, Gunn Jored Roset (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Dr Tan Yew Chong (tiga dari kanan).



Pegawai Unit Khidmat Nasihat Teknikal MPOB, Dr. Nagendran Balasundram memberi taklimat kepada pelajar Kolej IMBR India yang melawat ibu pejabat MPOB di Bangi.